

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian untuk memulakan pendidikan percuma di Universiti Awam (UA) bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan golongan asnaf. Bagaimanakah dengan perancangan ini membolehkan pihak Kementerian memperluaskan pendidikan percuma di UA kepada golongan B40 dan kemudiannya kepada semua penuntut yang lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT amat prihatin dengan bebanan kewangan yang ditanggung oleh pelajar terutama kemampuan membayar yuran pengajian oleh pelajar OKU dan pelajar dari golongan B40 khususnya golongan asnaf. Yuran pengajian yang perlu dibayar oleh para pelajar di Universiti Awam (UA) adalah sekitar 10% sahaja daripada kos sebenar bidang pengajian tersebut mengikut harga yuran pasaran, manakala baki 90% lagi kos pengajian telahpun disubsidi oleh kerajaan melalui peruntukan kewangan tahunan. Oleh yang demikian, kos pengajian di UA boleh dikatakan hampir percuma dengan pemberian 90% subsidi tersebut.

## NO. SOALAN : 14

Bagi memastikan kebajikan pelajar OKU dan pelajar dari golongan B40 terjaga dan tidak dibebankan dengan isu kewangan, kerajaan melalui pelbagai agensi menyediakan pembiayaan sama ada pinjaman pendidikan atau biasiswa kepada pelajar yang layak. Selain itu, pihak UA telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan bantuan kewangan di peringkat UA masing-masing. Terkini, terdapat UA seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah menjadikan zakat sebagai sumber pembiayaan kepada pelajar dari golongan OKU dan asnaf. Pelajar-pelajar ini akan dibantu menerusi pembiayaan yuran pengajian, elaun sara hidup atau elaun-elaun lain yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan kewangan UA tersebut.

Pelajar OKU dan B40 ini turut mendapat manfaat dari segi penyediaan laluan khas mereka ke UA. Mereka hanya perlu memenuhi syarat minimum bagi semua program untuk mendapatkan tempat di UA.

Dari segi pembiayaan pengajian bagi OKU pula, Bahagian Biasiswa KPT telah memperuntukkan bantuan kewangan bagi pelajar sepenuh masa. Bantuan ini meliputi wang saku dan yuran pengajian yang kedua-duanya tidak melebihi RM5,000/setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian pada satu peringkat pengajian.

Sekiranya pelajar OKU tersebut merupakan penerima biasiswa, mereka layak menerima wang saku RM300/sebulan dan bakinya adalah bantuan yuran tertakluk kepada RM5,000 setahun bagi kedua-dua elemen berkenaan. Elaun khas ini tidak mengambil kira taraf pendapatan sebagai syarat kelayakan. Sesungguhnya bantuan yang diberikan kepada pelajar OKU adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka agar dapat berdikari.

Sekian, terima kasih